



Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 3

Pemahaman (Bahagian B)

Nama : _____

Tarikh : 26 Oktober 2021

Kelas : _____

Soalan 21

Pilih dan taip dengan kata kerja yang paling sesuai.

memimpin

memetik

mengelap

memakai

- (a) Zhi Lin _____ pakaian yang sesuai sebelum keluar bermain di taman permainan.
- (b) Ibu sentiasa _____ tangan anaknya ketika berada di pusat beli-belah yang sesak itu.
- (c) Pak Arif sedang _____ kacang panjang di kebunnya.
- (d) Ervin _____ cermin tingkap kereta bapanya yang kotor dan berdebu itu.

Soalan 22

(a) Taip dengan ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat Tanya :

Jawapan : Farhana yang jatuh di taman permainan tadi.



(b) Gariskan dengan simpulan bahasa yang betul berdasarkan pernyataan yang diberi.

Setiap Sabtu, Omar akan membasuh kasut sekolahnya.
Dia tidak mengharapkan bantuan ibunya kerana dia tahu ibunya sibuk menguruskan rumah tangga.

bekerjasama

berdikari

(c) Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Taip dengan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

Soalan 23

Baca dialog dibawah, kemudian pilih jawapan yang betul.

- Tia : Hai, Lisa! Apakah yang kamu buat itu?
- Lisa : Hai, Tia! Saya sedang menolong ibu menyusun pokok-pokok hiasan.
- Tia : Wah, banyaknya pokok hiasan! Cantik-cantik bunganya.
- Lisa : Pokok hiasan ini baru dibeli oleh ibu saya semalam.
- Tia : Di manakah ibu kamu membeli pokok hiasan itu?
- Lisa : Ibu saya membelinya di Nurseri Indah. Di situ bukan sahaja menjual pokok hiasan, malah ada juga baja dan peralatan menanam pokok.
- Tia : Saya patut mengajak ibu ke sana untuk membeli pokok hiasan. Barulah halaman rumah menjadi berseri.
- Lisa : Mulai bulan ini hingga hujung bulan depan, Nurseri Indah menawarkan potongan harga sebanyak 10 peratus.
- Tia : Terima kasih atas maklumat itu. Saya akan beritahu ibu saya sekarang.
- Lisa : Sama-sama.

(1) Apakah yang dilakukan oleh Lisa?

- A Menjual pokok hiasan
- B Membeli pokok hiasan
- C Menanam pokok hiasan
- D Menyusun pokok hiasan

(2) Siapakah yang membeli pokok hiasan di Nurseri Indah?

- A Tia B Lisa C Ibu Lisa D Ibu Tia

(3) Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang Nurseri Indah?

- A Menjual pokok hiasan
- B Baja pokok hiasan turut dijual
- C Menjual peralatan menanam pokok
- D Menawarkan potongan harga selama setahun

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian taip dengan jawapan yang lengkap.

Setiap kali membuang sisa makanan, pernahkah kita terfikir bahawa kita telah membazirkan satu sumber yang boleh memadikan bumi terus subur?

Tahukah anda bahawa sisa-sisa makanan harian boleh dijadikan baja untuk menyuburkan tanaman? Sisa makanan tersebut hanya perlu dikompos untuk menjadikannya baja.

Proses menghasilkan kompos di rumah bukanlah rumit. Asingkan sisa makanan ke dalam satu bekas yang bertapis untuk dibuang lebihan airnya. Seterusnya, campurkan dengan daun-daun dan ranting-ranting kayu di dalam bekas yang bertutup.

Kemudian, biarkan bahan-bahan tadi selama kira-kira tiga bulan. Dalam tempoh itu, kita perlu membuka dan membalik-balikkannya agar udara dapat mengalir bagi mempercepat proses kompos. Baja kompos yang terhasil nanti cukup untuk kegunaan aktiviti pertanian di rumah.

(1) Baja kompos dihasilkan daripada _____.

(2) Apakah kegunaan baja kompos?

(3) Mengapakah bahan yang dikompos perlu dibalik-balikkan?
